

# IPT tempatan boleh bukti kemampuan

KUALA LUMPUR 5 Sept. - Semua institusi pengajian tinggi (IPT) tempatan disaran mempertingkatkan kualiti pendidikan masing-masing untuk mencapai transformasi pengajian tinggi bertaraf dunia.

Naib Canselor Universiti Teknologi Malaysia (UTM), Prof. Tan Sri Dr. Mohd. Zulkifli Mohd. Ghazali berkata, Universiti Sains Malaysia (USM) berjaya membuktikan kemampuannya.

Beliau berkata, semua IPT juga perlu bera-zam untuk memperkukuhkan kekuatan bidang pengajian masing-masing dalam usaha mendapat pengiktirafan dunia.

"Janganlah kerana USM mendapat pengiktirafan universiti Apex, maka IPT lain bera-sa sedikit ketinggalan dan rendah diri sebaliknya jadikan ia sebagai satu cabaran," katanya.

Beliau berkata demikian pada sidang akh-bar selepas menandatangani memorandum persefahaman (MoU) Program Pembangunan Jurulatih Pakar: Pengajian Peringkat Sarjana Mekanikal - Teknologi Pembuatan Termaju dengan Majlis Amanah Rakyat (Mara) di sini hari ini.

Turut hadir ialah Ketua Pengarah Mara, Datuk Nam Marthinin.